



UKK/600-01/05 (68)

SIARAN MEDIA

NAFAS BAHARU BALAI SENI NEGARA LANGKAWI

8 JUN 2024 – Balai Seni Negara Langkawi hari ini mengadakan “**Majlis Perasmian Pembukaan Semula Balai Seni Negara Langkawi**” setelah ditutup selama enam bulan bagi kerja-kerja menaiktaraf dan pengubahsuaian galeri. Majlis perasmian disempurnakan oleh **YBrs. Encik Shaik Rizal Sulaiman**, Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) di Balai Seni Negara Langkawi.

Kerja-kerja menaiktaraf dan pengubahsuaian melibatkan gabungan daripada tiga lot kepada lima lot bangunan komersial selain turut merangkumi penambahan fasiliti dan kemudahan baharu. Antaranya, Kedai Cenderamata (*NAG Shop*) yang menghimpunkan produk hasil kreatif autentik dari Pulau Langkawi, Pusat Rujukan Seni, Bilik Multimedia, Auditorium Mini dan kemudahan laluan OKU. Selain itu, Balai Seni Negara Langkawi turut menaiktaraf Studio Seni dan Studio Seni Cetak bagi pelaksanaan bengkel serta program pendidikan.

Pameran utama di Balai Seni Negara Langkawi adalah pameran “**Gambar Bergambar Gambaran**” yang menghimpunkan foto-foto acara pelbagai program seni serta bengkel seni yang diadakan di Pulau Langkawi. Pameran “**Community Based Tourism: Arca Dasar Laut Pulau Langkawi**” turut dipamerkan di Aras 1. Orang ramai turut dapat menelusuri proses kerja sembilan (9) orang seniman yang dijalankan di Pengkalan Jeti Kubang Badak bagi menghasilkan arca dasar laut yang terletak di Pulau Pasir.

Di samping itu, pameran “**Karya Pendidikan Seni Visual Negara**” menampilkan empat buah karya seni cetak daripada buku Pendidikan Seni Visual bagi memberi kefahaman yang mendalam seiring dengan praktis yang boleh dilaksanakan dengan adanya kemudahan studio seni cetak. Selain ruangan pameran, ruangan khas iaitu “**Curiosity Cabinet**” mempamerkan hasil karya pelukis **Tajalli Abdullah** dan himpunan arca kayu

yang dihasilkannya daripada alam semula jadi melalui pameran “*The Whispers of Wood*”.

Balai Seni Negara Langkawi sentiasa cakna dalam memupuk kesedaran, pemahaman serta penghayatan masyarakat terhadap seni menerusi aktiviti *re-skilling* dan *up-skilling*. Sempena pembukaan semula galeri, beberapa bengkel seni dianjurkan selama dua hari bermula pada 7 Jun 2024. Antaranya, **Bengkel Seni Cetakan Kayu, Kolograf dan Demonstrasi Cat Air Landskap Langkawi** yang melibatkan tiga artis tempatan iaitu Long Thien Shih, Helmi Azam Tajul Aris dan Rohizad Shaari.

Serentak itu, majlis pada malam ini turut disertakan dengan acara **Penyerahan Geran Tabung Bantuan Seni (TBS) 2024** kepada lima penerima melibatkan dana berjumlah RM 78,000. TBS diwujudkan sebagai salah satu usaha untuk membantu penggiat seni tempatan dalam penganjuran program dan aktiviti kesenian yang berkualiti sekaligus memberi impak kepada ekosistem seni tanah air. Bermula Januari sehingga Mei 2024, sebanyak RM 300,700 dana telah disalurkan kepada 18 penerima menerusi TBS.

Majlis turut dihadiri oleh ahli-ahli lembaga pengarah LPSVN, YBrS. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, YBrS. Encik Alizam Hasan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Balai Seni Negara, YBrS. Encik Muhammad Hazrin Abdul Malek @ Moktar, Pengarah Balai Seni Negara Langkawi, pegawai-pegawai kanan MOTAC, jabatan dan agensi serta para penggiat seni.

Balai Seni Negara Langkawi sentiasa komited dalam mengangkat dan memperkasakan seni agar terus berkembang di pulau lagenda ini selari dengan hasrat untuk menjayakan kempen Tahun Melawat Kedah 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my